

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN
KASSIM [ARAU]**

SOALAN NO. 518

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. apakah pihak Kementerian akan mengkaji semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengatasi lambakan graduan jurusan pendidikan yang masih belum dipanggil bertahun-tahun untuk penempatan di sekolah-sekolah ; dan
- b. apakah terdapat cadangan untuk memanggil kembali graduan pendidikan ini sebagai pembantu guru-guru di sekolah seperti yang telah dicadangkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri iaitu mewujudkan pembantu guru di sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Seperti juga lain-lain skim perkhidmatan awam, pengambilan guru-guru adalah berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Graduan universiti awam (UA) yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP berdasarkan

NO. SOALAN : 518

kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Pihak Kementerian menyediakan unjuran keperluan guru yang boleh menjadi panduan kepada pihak Universiti untuk merancang pengambilan graduan pendidikan dalam bidang-bidang tertentu.

- b. Kementerian telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan beban tugas guru agar guru dapat memberi perhatian yang lebih tinggi kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh yang demikian, pewujudan jawatan pembantu guru pada masa kini masih di dalam kajian dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.